

BH PILIH 6C 21 (emel)

Oleh Rabi 'Atul 'Adawiyah Ismail

bhnews@bharian.com.my

SENAWANG: Penduduk Taman Duranta dan Taman Guru Melayu, di sini, kini bimbang berikutan banyak kejadian jenayah terutama pecah rumah berlaku di kawasan berkenaan sejak kebelakangan ini.

Kes terbaru apabila tiga rumah dipecah masuk serentak pada waktu siang, bukan saja menambahkan

Penduduk bimbang kes pecah rumah meningkat

Tiga rumah dimasuki serentak pada waktu siang di dua taman

bukan saja menambakan lagi kerisauan mereka tetapi turut menyebabkan penduduk berasa tidak selamat berada di rumah dan ketika meninggalkan kediaman masing-masing.

Mangsa terbaru, seorang penduduk yang lebih setahun menetap di kawasan perumahan itu, Sharifah Shahriah Syed Sahab, 38, berkata rumahnya sudah dua kali dipecah masuk, iaitu pada November lalu dan baru-baru ini.

Beliau berkata, dalam kejadian kali kedua itu, beliau dan keluarganya kerugian hampir RM10,000 apabila televisyen plasma, komputer riba, kamera digital dan perakam video miliknya dilarikan.

“Apa yang pelik, penjenayah semakin berani memecah masuk rumah pada waktu siang terutama pagi kerana ketika itu kebanyakan penduduk keluar bekerja. Mereka akan mengumpul jeriji besi untuk masuk ke dalam rumah dan akan keluar mengikut pintu utama.

“Dalam kejadian terbaru, sebelum meninggalkan rumah untuk ke tempat kerja kira-kira jam 9 pagi, saya perasan ada orang memerhatikan rumah tetapi tidak mengendahnya dan menganggap tiada apa berlaku.

“Bagaimanapun, sebaik pulang saya mendapati rumah sudah berselerak dan barang berharga turut hilang,” katanya kepada *Berita Harian*, di sini.

Sementara itu, seorang lagi mangsa, Nurul Nadia Kamarul Zaman, 25, berkata beliau terkejut apabila alat penggera keselamatan yang dipasang di rumah-



SHARIFAH SHAHRIAH menunjukkan pintu jeriji yang dipotong pencuri dalam kejadian pecah rumah di Taman Duranta, Senawang.



NURUL NADIA menunjukkan pintu jeriji yang diumpil pencuri di Taman Duranta, Senawang, Negeri Sembilan.

“Apa yang pelik, penjenayah semakin berani memecah masuk rumah pada waktu siang terutama pagi kerana ketika itu kebanyakan penduduk keluar bekerja”

**Sharifah
Shahriah Syed
Sahab**
Mangsa

nya berbunyi sebaik tiba ke rumah yang masih belum didudukinya itu.

Beliau yang kerugian lebih RM10,000 dalam kejadian itu, berkata rumah yang belum didiami itu sudah dilengkapi banyak perabot dan hanya datang ke situ setiap pagi untuk memastikan alat penggera keselamatan aktif.

“Namun, baru-baru ini, sebaik sampai rumah kira-kira jam 10 pagi, saya dapati alat penggera berbunyi dan melihat pintu belakang sudah diumpil. Saya yakin pencuri memasuki rumah mengikut pagar belakang kerana kedudukannya yang rendah selain kawasan yang sunyi kerana kebanyakan rumah masih belum dihuni,” katanya.

Nurul Nadia berkata, beliau memasang alat penggera keselamatan selepas dinasihati jiran untuk berbuat demikian, tetapi tidak menyangka kejadian pecah rumah masih berlaku.